

**Pemuda Umno Akan Minta Kerjasama Kerajaan Indonesia Untuk Bawa Pulang Siti Norzana Bernama**  
**17 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Biro Aduan Komuniti Pemuda Umno akan menyerahkan nota rayuan kepada Kedutaan Besar Indonesia di sini esok bagi meminta kerjasama kerajaan Indonesia dalam misi membawa pulang kanak-kanak Siti Norzana Nordi, 12, yang kini terkandas di Mesuji, Indonesia.

Pengerusi biro Datuk Muhd Khairun Aseh berkata nota rayuan itu juga bertujuan meminta polis negara itu campur tangan bagi memastikan misi ketiga yang akan dilakukan bila-bila masa dari sekarang tidak diganggu sebarang ancaman yang boleh mewujudkan ketegangan.

Beliau berkata misi mengesan dan membawa pulang Siti Norzana yang berlepas pada Jumaat lepas menemui jalan buntu selepas mereka diancam serta diugut oleh penjaga kanak-kanak terbabit.

"Pegawai kita datang dengan cara baik cuba berunding untuk membawa pulang Siti Norzana tetapi sesi rundingan yang diadakan kelmarin bertukar tegang selepas penjaga kanak-kanak itu bertindak keras dan memanggil orang-orang kampung mengepung pegawai misi, memaksa saya mengarahkan mereka pulang dan berlindung di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta.

"Saya amat kesal di atas kegagalan rundingan ini kerana sehari sebelum berlepas, pihak kami telah mencapai persetujuan daripada penjaga kanak-kanak itu untuk membawa pulang Siti Norzana berdasarkan maklumat orang tengah kami di sana," katanya dalam sidang media di sini, Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681394>

